

RUJUKAN : KUIPs/PEND/PP/2019 (01)
TARIKH : 27 FEBRUARI 2019



PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 1 TAHUN 2019

**PERATURAN SKIM KEMUDAHAN PERUBATAN STAF
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PERLIS (KUIPs)**

Pejabat Pendaftar

27 Februari 2019

Disalinkan kepada:

Rektor

Timbalan Rektor Akademik dan Ehwai Pelajar

Bendahari

Pemangku Pustakawan

Pegawai-Pegawai Kanan



RUJUKAN : KUIPs/PEND/PP/2019 (01)
TARIKH : 27 FEBRUARI 2019

PERATURAN SKIM KEMUDAHAN PERUBATAN STAF

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai keputusan Mesyuarat Ke-20 Bil. 1/2019 Lembaga Pengarah Universiti (LPU) bersidang pada 03 Januari 2019 berhubung Peraturan Skim Kemudahan Perubatan Staf Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs).

2.0 PELAKSANAAN

- 2.1 Pemakaian Peraturan Skim Kemudahan Perubatan Staf Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) adalah seperti berikut:

Nama 1. Skim ini dinamakan "**Skim Kemudahan Perubatan Staf Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs)**".

Tujuan 2. Skim ini menetapkan kemudahan-kemudahan perubatan yang **dibiayai oleh Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) untuk staf dan tanggungan** serta kaedah pentadbiran berkaitan dengannya.

Pemakaian 3. Peruntukan-peruntukan dalam skim ini adalah terpakai kepada semua staf yang layak melainkan jika; dinyatakan selainnya dalam syarat-syarat lantikan seseorang staf atau dalam syarat-syarat pemberian biasiswa atau cuti belajar.

Tafsiran 4. Di dalam skim ini, perkataan-perkataan yang berikut mempunyai makna yang dinyatakan melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

"Doktor Panel" bermaksud pengamal perubatan yang bertauliah yang bertugas di klinik panel;

"Hospital Kerajaan" bermaksud mana-mana hospital kerajaan di Malaysia termasuk klinik Kerajaan, Yayasan Perubatan Persekutuan dan Pusat Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN);

"Klinik Panel" bermaksud mana-mana klinik perubatan swasta yang dilantik oleh Kolej Universiti untuk memberi rawatan perubatan pesakit luar

kepada staf dan tanggungannya.

"Lembaga" bermaksud Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Kolej Universiti Kolej Universiti Islam Perlis.

"Kakitangan" bermaksud staf Kolej Universiti dilantik di bawah Peraturan-peraturan Perkhidmatan Kolej Universiti Islam Perlis berjawatan tetap, sementara, pinjaman dan kontrak tertakluk kepada surat pelantikan layak menerima faedah Skim Kemudahan Perubatan ini.

'Skim Ini' ertinya Skim Kemudahan Perubatan Staf Kolej Universiti Islam Perlis.

"Tanggungannya Kakitangan" ertinya isteri atau suami serta anak-anak kakitangan yang layak menerima faedah kemudahan perubatan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan di **Perenggan 6**;

"Kolej Universiti" ertinya Kolej Universiti Islam Perlis;

Staf yang layak

5. Staf yang layak mendapat faedah di bawah Skim ini adalah seperti berikut :

Staf yang memegang sesuatu jawatan di Kolej Kolej Universiti yang dilantik secara tetap, sementara, pinjaman atau kontrak termasuklah staf dalam tempoh percubaan; dan

Mana-mana staf diambil bekerja yang syarat pelantikannya dinyatakan dia layak menerima faedah di bawah Skim Kemudahan Perubatan Kakitangan.

TANGGUNGAN

Tanggungannya yang layak

6. Tanggungannya yang layak mendapat faedah di bawah skim ini adalah seperti berikut :

6.1 Isteri atau isteri-isteri yang sah atau suami yang sah.

6.2 Anak-anak yang ditanggung sepenuhnya termasuk anak tiri atau anak angkat yang sah dari segi undang-undang dengan syarat bahawa anak itu:

RUJUKAN : **KUIPs/PEND/PP/2019 (01)**
TARIKH : **27 FEBRUARI 2019**

- a) berumur yang tidak lebih daripada 18 tahun (kecuali anak yang masih menerima pendidikan secara sepenuh masa disyaratkan berumur tidak melebihi daripada 21 tahun dan anak yang daif tidak dikenakan had umur);
- b) tidak bekerja;
- c) tidak berkahwin

6.3 Ibu bapa staf mengikut kelayakan staf berkenaan.

Had-had Skim

7. Faedah-faedah yang layak diperolehi di bawah Skim ini oleh staf serta tanggungannya adalah terhad kepada kemudahan rawatan yang sedia ada di Hospital Kerajaan dan Klinik Panel dilantik oleh Kolej Universiti.

Perlantikan Klinik Panel

8. Bagi maksud skim ini, Kolej Universiti melantik suatu panel terdiri dari beberapa klinik swasta (yang dengan pelantikan itu dikenali sebagai "Klinik Panel" untuk memberi perkhidmatan **rawatan pesakit luar di bawah Skim ini**).

Syarat-syarat pelantikan Klinik Panel:

- 9.
- a) Klinik perubatan yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia.
 - b) Sesebuah klinik panel dilantik bagi tempoh selama **tidak lebih daripada dua (2) tahun** bagi setiap pelantikan. Klinik panel yang tamat tempoh lantikan boleh **memohon semula dengan mengemukakan permohonan bertulis kepada Kolej Universiti enam (6) bulan** sebelum tamat tempoh lantikan semasa;
 - c) Bagi maksud Skim ini, semua doktor bertugas di sesebuah klinik panel, termasuk mereka yang mempunyai kelulusan pakar adalah dianggap sebagai pengamal perubatan umum dan bukan sebagai doktor pakar.
 - d) Pelantikan sebagai klinik panel boleh ditamatkan oleh mana-mana pihak (Kolej Universiti atau klinik yang berkenaan) dengan **memberi notis bertulis tidak kurang dari satu (1)**

RUJUKAN : KUIPs/PEND/PP/2019 (01)
TARIKH : 27 FEBRUARI 2019

bulan kepada pihak yang satu lagi;

e) Kolej Universiti berhak menggantung atau menamatkan perlantikan sesebuah klinik panel serta merta jika didapati klinik panel tidak mematuhi peraturan, syarat atau prosedur yang ditetapkan oleh pihak Kolej Universiti. Klinik yang berkenaan boleh mengemukakan rayuan kepada pihak Pengurusan Kolej Universiti dan keputusan pihak Pengurusan Kolej Universiti adalah **muktamad**

KEMUDAHAN RAWATAN

- Tempat Rawatan** 10. Staf dan tanggungan yang layak serta ingin menerima faedah di bawah skim ini hendaklah mendapatkan rawatan di Klinik Panel atau di Hospital Kerajaan.
- Rawatan di Hospital Kerajaan** 11. Staf atau tanggungan yang memerlukan rawatan atau perubatan di Hospital Kerajaan hendaklah mendapat Surat Akuan daripada Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Pendaftar. Sesuatu Surat Akuan hanya sah digunakan bagi **tempoh tiga (3) bulan dari tarikh dikeluarkan.**
- Kecemasan** 12. Dalam keadaan kecemasan, apabila klinik panel pilihan tidak dapat dihubungi, staf dan tanggungan bolehlah mendapatkan rawatan di hospital Kerajaan sahaja.
- Rawatan dalam Wad** 13. Skim ini juga meliputi kemudahan-kemudahan rawatan dalam wad di hospital Kerajaan di Malaysia mengikut had-had dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan bagi kakitangannya. Staf dan tanggungannya yang dimasukkan ke dalam wad dikehendaki membayar bayaran wad pada kadar yang ditetapkan dari masa ke semasa (**Jadual 1**).
- Kelayakan Wad** 14. Staf dan tanggungannya adalah layak mendapat kemudahan wad mengikut kelas-kelas yang ditetapkan (**Jadual 1**). Jika staf atau tanggungannya memilih untuk dimasukkan ke wad yang lebih tinggi

RUJUKAN : KUIPs/PEND/PP/2019 (01)
TARIKH : 27 FEBRUARI 2019

kelasnya daripada yang ditetapkan, ia dikehendaki membayar bayaran wad pada kadar yang ditetapkan bagi kelas yang lebih tinggi itu; Staf yang memerlukan rawatan semasa menjalankan tugas rasmi atau berkursus di luar kawasan ibu pejabat boleh mendapatkan rawatan di hospital kerajaan atau di klinik swasta untuk rawatan perubatan biasa sahaja.

Bertugas di Luar Kawasan

15. Staf layak menuntut kos rawatan tersebut daripada Kolej Universiti tertakluk kepada had maksimum yang ditetapkan oleh Kolej Universiti dari masa ke semasa.

Bertugas di Luar Negeri

16. Staf yang jatuh sakit semasa bertugas di luar negara dan terpaksa mengeluarkan perbelanjaan perubatan sendiri **adalah layak menuntut balik perbelanjaan** tersebut tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:

a) Belanja perubatan hendaklah **sebanyak yang munasabah** dan staf hendaklah seberapa yang boleh mendapatkan perkhidmatan kesihatan awam di negara berkenaan (jika ada).

b) Belanja perubatan itu hanya untuk bayaran bagi rawatan perubatan biasa sahaja.

Insurans Perubatan Ke Luar Negara

17. Sekiranya seseorang staf di arah menjalankan tugas rasmi di luar negara dan **pengambilan insurans perubatan adalah diwajibkan** di negara itu, maka bayaran premiumnya akan ditanggung oleh Kolej Universiti. Dalam kes ini, semua tuntutan bayaran bagi rawatan perubatan hendaklah dikemukakan kepada syarikat insurans yang berkenaan.

Cuti dan sebagainya di Luar Negara

18. **Skim ini tidak meliputi staf yang pergi ke luar negara bukan atas urusan Kolej Universiti (seperti cuti rehat dan sebagainya) atau yang dibenarkan ke luar negara semasa menjalani cuti sabatikal tempatan, kakitangan-staf berkenaan adalah dinasihatkan agar membuat aturan sendiri untuk mendapatkan perlindungan insurans perubatan bagi tempoh mereka berada di luar negara.**

Rawatan Pakar

19. Seseorang staf atau tanggungan boleh mendapatkan khidmat perundingan dan rawatan daripada doktor pakar di hospital Kerajaan atas perakuan pegawai

perubatan Kerajaan. **Rawatan pakar diterima dari klinik pakar swasta tidak dibiayai oleh Kolej Universiti.** Walau bagaimanapun, sekiranya disahkan oleh pihak berkuasa di hospital Kerajaan bahawa kemudahan rawatan pakar tidak boleh didapati di hospital kerajaan pada masa diperlukan mengikut keadaan penyakit, maka dengan persetujuan Jawatankuasa Pengurusan, staf atau tanggungannya itu boleh mendapatkan khidmat perundingan dan rawatan pakar di klinik swasta.

Rawatan di Tempat Lain

20. Sekiranya pihak berkuasa hospital Kerajaan di kawasan ibu pejabat seseorang staf mengesahkan bahawa staf itu atau tanggungan perlu mendapat rawatan di tempat lain, maka staf atau tanggungannya itu boleh mendapat rawatan di tempat lain yang diperakukan oleh pihak berkuasa tersebut serta menuntut elaun-elaun menurut peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari masa ke semasa (terhad kepada kelayakan ditetapkan oleh Kolej Universiti).

Rawatan di Luar Negara

21. Sekiranya Lembaga Perubatan yang dilantik oleh Kolej Universiti mengesahkan bahawa seseorang staf atau tanggungannya memerlukan rawatan khas yang tidak didapati di Malaysia, dan dengan syarat ada pengesahan daripada Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia bahawa rawatan sedemikian memang tidak boleh didapati di Malaysia, maka staf atau tanggungannya itu boleh dengan kelulusan Lembaga mendapat rawatan itu di luar negara atas biaya Kolej Universiti (tertakluk kepada pertimbangan Lembaga Pengarah Universiti).

BAYARAN YANG DIBIYAI OLEH KOLEJ UNIVERSITI

Bayaran perubatan dan Rawatan

22. Bayaran-bayaran perubatan dan rawatan yang dibiayai perubatan dan oleh Kolej Universiti di bawah Skim ini adalah seperti berikut :
- 22.1 Bayaran perundingan atau pemeriksaan yang dilakukan oleh Doktor sama ada di klinik panel atau di hospital Kerajaan atau; jika benar-benar perlu kerana keuzuran di rumah kakitangan.
- 22.2 Bayaran ubat dan suntikan termasuk vaksinasi

RUJUKAN : KUIPs/PEND/PP/2019 (01)
TARIKH : 27 FEBRUARI 2019

profilaktik atau suntikan yang dipreskripsikan oleh doktor panel bagi staf atau tanggungan. (Bayaran bagi pemeriksaan kesihatan keseluruhan, "circumcision", "IUD", "menstrual regulations", "cosmetic surgery", "family planning pills" dan lain-lain **adalah tidak dibiayai oleh Kolej Universiti**).

- 22.3 Bayaran yang dikenakan oleh klinik panel untuk pembedahan kecil, rawatan pre-natal dan pemeriksaan makmal yang diperakukan sebagai perlu oleh doktor panel.
- 22.4 Bayaran bagi kehadiran, pemeriksaan, rundingan, rawatan perhatian atau pemeriksaan pakar yang dikenakan oleh hospital Kerajaan. (Semua bayaran tambahan lain termasuklah harga alat-alat perubatan dan pembedahan, alat-alat bantuan pendengaran, alat bantu ortopedik, tongkat ketiak, kayu belat, alat kosmetik, gigi palsu dan sebagainya **tidak akan ditanggung oleh Kolej Universiti**). Hendaklah dibayar oleh kakitangan berkenaan.
- 22.5 Semua bayaran hospital yang dikenakan kepada staf dan tanggungannya sebagai pesakit dalam mana staf atau tanggungannya itu dimasukkan ke hospital Kerajaan atas nasihat staf perubatan Kerajaan, staf perubatan Kolej Universiti atau doktor panel. (Staf akan dikenakan bayaran wad sebagaimana dinyatakan dalam **perenggan 13**).
- 22.6 Semua bayaran hospital dikenakan kepada staf dan tanggungannya yang dimasukkan ke dalam hospital khas (seperti hospital sakit jiwa, hospital sakit kusta, Pusat Tibi Negara dan sebagainya) atas nasihat pegawai perubatan Kerajaan, pegawai perubatan Kolej Universiti atau doktor panel. Bagaimanapun bayaran yang dibiayai oleh Kolej Universiti adalah tertakluk kepada had dan kadar yang ditetapkan oleh Lembaga dari masa ke semasa bagi kakitangannya.
- 22.7 **Kolej Universiti tidak menanggung sebarang bayaran rawatan alternatif.**

22.8 Sekiranya staf memerlukan ubat atau rawatan untuk tempoh yang berterusan, kelulusan Kolej Universiti hendaklah diperolehi terlebih dahulu.

22.9 Pembiayaan rawatan staf dan tanggungannya adalah tertakluk kepada had maksimum yang ditetapkan oleh Kolej Universiti dari masa ke semasa sebagaimana di **Jadual 2**.

22.10 Jika kos rawatan melebihi had maksimum yang ditetapkan seperti di Jadual II, klinik panel hendaklah menjelaskan secara terperinci butiran bayaran yang dikenakan.

22.11 Bayaran semua bil di bawah Skim ini adalah tertakluk kepada staf yang masih berkhidmat di Kolej Universiti ini sahaja.

**Bayaran
Pemeriksaan
Kesihatan**

23. Bayaran Pemeriksaan Perubatan (*medical check-up*) termasuk imunisasi wajib, ujian makmal, X-Ray dada boleh dilakukan di klinik panel **atas arahan Kolej Universiti** bagi tujuan berikut:

23.1 *Melanjutkan pengajian di dalam atau luar Negara sebagaimana yang diluluskan oleh Lembaga Biasiswa dan Cuti Belajar.*

23.2 *Menghadiri kursus/latihan yang diluluskan pesertanya dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan.*

24.3 *Pemeriksaan kesihatan yang dijalani atas arahan Kolej Kolej Universiti dengan kelulusan Rektor.*

25.4 *Memenuhi keperluan Akta Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan 1994.*

**Bayaran
Bersalin**

24. Bayaran bersalin bagi staf atau isteri staf adalah ditanggung oleh Kolej Universiti sekiranya ia bersalin di hospital Kerajaan sahaja.

**Bayaran
Rawatan
Pergigian**

25. Staf berhak mendapatkan rawatan pergigian di mana-mana klinik pergigian tertakluk kepada had maksimum yang ditetapkan oleh Kolej Universiti dari semasa ke semasa sebagaimana (Jadual II).

RUJUKAN : **KUIPs/PEND/PP/2019 (01)**
TARIKH : **27 FEBRUARI 2019**

**Bayaran
Ubatan**

26. Bekalan ubatan boleh didapati dari klinik panel atau hospital Kerajaan yang memberi rawatan. Jika ubat yang dipreskripsikan oleh pegawai perubatan Kerajaan, perlu dibeli di farmasa swasta, staf atau tanggungannya boleh membuat rayuan kepada pihak pengurusan untuk menuntut balik kos pembelian ubat tersebut daripada Kolej Universiti. Semua tuntutan hendaklah disertakan dengan resit rasmi dan nama pegawai perubatan yang mempreskripsikan ubat tersebut.

BAYARAN

**Kes-kes luar
biasa**

27. Rektor boleh membuat keputusan tentang sesuatu kes luar biasa yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Skim ini atau merujuk kes itu kepada pihak pengurusan Kolej Universiti untuk **diputuskan**.

Pindaan dsb.

28. **Lembaga Pengarah Universiti (LPU) berhak meminda, mengubahsuai, membatalkan atau membuat semula Skim ini pada bila-bila masa mengikut budibicaranya.**

7.0 HAD RAWATAN

7.1 Had Rawatan

- a) Pihak Kolej Universiti Islam Perlis akan menanggung kos bagi staf dan tanggungan dalam satu (1) tahun tertakluk kepada rawatan tidak melebihi had kelayakan seperti berikut:

Jadual 1: Had Bil Rawatan Kakitangan

Kumpulan Perkhidmatan	Kelayakan (RM)
Kumpulan Pengurusan Tertinggi	600.00
45 hingga 54	600.00
31 hingga 44	600.00
21 hingga 30	600.00
1 hingga 20	600.00

RUJUKAN : KUIPs/PEND/PP/2019 (01)
TARIKH : 27 FEBRUARI 2019

- (b) Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif (EXCO) Bil. 8/2018 bersidang pada 02 November 2018 bersetuju cadangan had rawatan selain klinik panel akan menggunakan had rawatan seperti di Jadual 1 tertakluk kepada staf Kolej Universiti dan tanggungan yang bermastautin tetap di Malaysia berada di luar stesen dan kawasan tersebut tidak mempunyai Klinik Panel.
- (c) Mana-mana pekerja yang mendapat rawatan melebihi had kelayakan akan dibuat potongan ke atas gaji kakitangan.

8.0 PENETAPAN KELAYAKAN DAN KADAR BAYARAN WAD

8.1 Berikut adalah cadangan penetapan Kelayakan dan Kadar Bayaran Wad mengikut Kumpulan dan Gred Jawatan masing-masing seperti berikut:

Jadual 2: Kelayakan dan Kadar Bayaran Wad Kakitangan

Kumpulan/Gred	Kelayakan Wad	Bayaran Wad Sehari	Perlindungan Insurans Berkelompok
Pengurusan Tertinggi	Kelas 1 Bilik Seorang	RM10.00	Tertakluk kepada had kelayakan ditetapkan di bawah Kad Perubatan yang dibiayai oleh Kolej Universiti melalui syarikat Insurans dilantik (berkuatkuasa mulai Januari 2017)
45 hingga 54	Kelas 1 Bilik Seorang	RM10.00	
31 hingga 44	Kelas 1 Bilik Berdua	RM8.00	
21 hingga 30	Kelas 1 Bilik Bertiga	RM6.00	
1 hingga 20	Kelas Dua	RM3.00	

RUJUKAN : **KUIPs/PEND/PP/2019 (01)**
TARIKH : **27 FEBRUARI 2019**

9.0 TARIKH KUATKUASA

9.1 Pekeliling Pentadbiran Bil. 1 Tahun 2019 ini berkuatkuasa serta merta mulai tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

"SYUMUL, TAQWA, DINAMIK"

Saya yang menjalankan amanah,


(ROHANA BINTI ZAINOL)
Pendaftar
Kolej Universiti Islam Perlis

